

Gesa perundangan antilambakan keluli

PERSEKUTUAN Industri Besi dan Keluli Malaysia (Misif) berharap kerajaan memperkenalkan undang-undang antilambakan untuk produk keluli yang diimport Malaysia.

Presidennya, Datuk Soh Thian Lai berkata, industri tempatan kini tertekan berikutan lambakan logam murah, terutama dari China yang turut berlaku di negara lain di rantau ini.

“Pasaran domestik dibanjiri produk keluli import murah hasil kejatuhan harga keluli sejak beberapa bulan lalu dan memang diakui ancaman lambakan itu berlaku di negara lain dan mereka turut mencari jalan untuk mengekang masalah terbabit.

“Selain itu, kami juga meminta kerajaan mengambil langkah pantas dan muk-

tamad bagi mengatasi situasi di bawah syarat dan peraturan sedia ada,” katanya selepas persidangan Misif mengenai Status dan Tinjauan Industri Besi dan Keluli Malaysia.

Persidangan dua hari itu dirasmikan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Jacob Dungau Sagan.

Katanya, industri keluli tempatan kini bekerja pada kapasiti pengeluaran purata 50 peratus dan berharap kerajaan boleh meningkatkan penggunaan produk keluli tempatan.

“Kami berharap kerajaan menyokong industri dengan menggalak pengguna produk keluli buatan tempatan dalam semua projek mega seperti My Rapid Transit dan Tun Razak Exchange,” katanya.